



Penguatkuasaan Jenayah Syariah Terhadap Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Dalam Talian Di Malaysia: Analisis Tinjauan Literatur Sistematis

Undang-Undang Jenayah Syariah

***The Enforcement of Islamic Criminal Offences Related
to Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) LGBT
Online in Malaysia: A Systematic Literature Review
Analysis***

56

Submitted: 25 September 2024
Revised: 23 October 2024
Accepted: 30 October 2024
E-Published: 31 October 2024

NUR AL-FARHAIN KAMARUZAMAN
(Corresponding Author)
NUR AINA ABDULAH
MASHITAH ABDUL MUTALIB
NURUL AIN HAZRAM
AFAF SUKARI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan
farhain@usim.edu.my
nuraina.abdulah@usim.edu.my
mashitahmutalib@usim.edu.my
ainhazram@usim.edu.my
afafsukari97@gmail.com

ABSTRAK

Pada masa kini, perkembangan dan kemajuan teknologi memberikan pelbagai manfaat dalam kehidupan manusia. Namun, seiring dengan kemajuan tersebut, terdapat peningkatan mendadak berkaitan jenayah siber, termasuk jenayah syariah yang berkaitan dengan individu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang dilakukan secara dalam talian. Hari ini, kumpulan ini tidak teragak-agak untuk menonjolkan gaya hidup songsang mereka secara terbuka di platform media sosial di dalam talian seperti instagram, tiktok dan facebook. Berdasarkan analisis terhadap kesemua enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, tiada peruntukan khusus bagi menangani kesalahan-kesalahan berkaitan LGBT jika ia dilakukan secara atas talian. Walau bagaimanapun, ini bukanlah bermakna kesalahan ini tidak dapat didakwa di mahkamah syariah. Terdapat peruntukan-peruntukan sedia ada yang boleh digunakan, tetapi bersifat terhad dan kabur yang memerlukan penambahbaikan dan pindaan. Justeru, analisis literatur yang sistematik digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji kesalahan jenayah Syariah yang dilakukan secara dalam talian oleh





golongan LGBT di Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan PRISMA, kajian ini mencari artikel dalam pangkalan data Scopus dan MyJurnal sepanjang tempoh bermula 2014 hingga 2024. Carta alir PRISMA mengandungi analisis dan perekodan data yang dikumpul. Pengkaji membincangkan sebanyak 67 artikel jurnal yang dipilih dengan teliti yang berkaitan dengan subjek. Hasil kajian menyenaraikan beberapa cabaran utama penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah melibatkan kesalahan LGBT yang dilakukan di dalam talian dan mencadangkan tiga cadangan bagi mengatasi perkara ini. Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam analisis sistematik kesalahan jenayah syariah berkaitan kesalahan LGBT yang dilakukan secara dalam talian menggunakan metodologi PRISMA, serta menjadi gambaran, titik perbincangan, dan sumber yang berguna untuk ahli akademik dan penyelidik lain.

Kata kunci: Undang-Undang Jenayah Syariah, LGBT, Dalam Talian

ABSTRACT

Nowadays, the development and advancement of technology provide various benefits in human life. However, along with this progress, there has been a steady increase in cybercrime, including sharia crimes related to lesbian, gay, bisexual and transgender (LGBT) individuals committed online. Today, these groups do not hesitate to publicly highlight their perverse lifestyle on the internet. Based on an analysis of all state sharia criminal offences enactments, there is no specific provision to deal with LGBT-related offences if they are committed online. However, this does not mean that this offence cannot be prosecuted in the sharia courts. There are existing provisions that can be used, but they are limited and vague in nature that require improvement and amendment. Therefore, a systematic literature analysis is used in this study to study the topic of Syariah criminal offences related to LGBT committed online within the context of Malaysia. Using the PRISMA approach, this study searched for articles in the Scopus and MyJurnal databases during the period from 2014 to 2024. PRISMA flowcharts contain the analysis and recording of the collected data. The researchers discussed a total of 67 carefully selected journal articles related to the subject. The results of the study highlights several challenges for the enforcement of sharia criminal offences related to LGBT in online platforms and suggest three strategies to overcome these challenges. This study is expected to help in the systematic analysis of sharia criminal offences related to LGBT using the PRISMA methodology, as well as be a useful illustration, discussion point, and resource for academics and other researchers.

Keywords: Islamic Criminal Offences, LGBT, Online

PENGENALAN

Di dalam perundangan jenayah Islam, kesalahan seperti liwat, *musahaqah* dan menukar jantina merupakan jenayah yang dianggap berat dan berdosa besar. Dari sudut maqasid syariah pula, hukuman bagi kesalahan-kesalahan ini adalah bertujuan bagi menjaga maqasid keturunan (Azizah et al., 2017). Dalam konteks di Malaysia, golongan LGBT dahulu merupakan golongan yang agak terpencil. Seiring dengan perkembangan gerakan hak asasi manusia di peringkat global, golongan ini telah




mula bergerak secara tersusun dalam organisasi bagi mendapatkan hak-hak mereka (Irma et al., 2021). Selain itu, mereka mempromosikan budaya hidup songsang mereka secara terang-terangan di platform sosial seperti di WhatsApp, WeChat, Instagram, Facebook, Telegram, TikTok dan Twitter (Mohamad Afandi et al., 2020). Sebagai contoh, individu seperti Safiey Ilias dan Muhammad Sajad yang seringkali memuatnaik video berpakaian seperti perempuan di laman Instagram masing-masing. Mutakhir ini juga menyaksikan pertumbuhan aplikasi-aplikasi dalam talian (*dating apps*) yang menghubungkan golongan ini bagi melakukan aktiviti seksual songsang. Perkembangan-perkembangan yang membimbangkan ini menunjukkan terdapat keperluan bagi membanteras jenayah ini secara holistik termasuklah menggunakan pendekatan perundangan.

METODOLOGI

Bagi mencapai matlamat kajian, metodologi adalah penting. Laman web Scopus dan MyJurnal adalah dua pangkalan data yang menjadi tumpuan carian tertentu yang digunakan dalam kaedah pengumpulan data kajian ini. Laman web Scopus ialah pangkalan data kesusasteraan akademik yang menempatkan beribu-ribu karya yang dipilih dengan teliti dari seluruh dunia dan boleh diakses menerusi laman web <https://www.scopus.com/>. Manakala, merupakan salah satu pangkalan data koleksi literatur yang diterbitkan di Malaysia dan boleh diakses di <http://myjurnal.my>.


Pada peringkat pertama carian, penyelidik menggunakan pelbagai kata kunci yang berkaitan dengan topik. Pangkalan data boleh mengakses bilangan artikel yang lebih banyak melalui penggunaan kata kunci yang luas. Penyelidik kerap menggunakan kata kunci "Penguatkuasaan", "Lesbian, Gay, Biseskual dan Transgender (LGBT)," dan "Dalam Talian" apabila membuat carian artikel dalam Scopus dan MyJurnal. Bagi menghasilkan lebih banyak artikel yang boleh diakses, adalah penting untuk menambah sejumlah besar kata kunci ke pangkalan data. Meskipun begitu, apabila banyak artikel yang diakses, ianya akan menyebabkan risiko kewujudan artikel yang tidak relevan. Berbeza pula sekiranya penyelidik menghadkan kepada kata kunci yang tertentu, artikel yang lebih berkaitan mampu dihasilkan meskipun mempunyai risiko kehilangan rekod. Rajah 1 dan 2 menunjukkan contoh carian kata kunci yang telah digunakan dalam kajian ini menerusi pangkalan data Scopus dan MyJurnal.

Rajah 1: Contoh Carian Kata Kunci dalam Scopus





Rajah 2: Contoh Carian Kata Kunci dalam MyJurnal




Penyelidik menggunakan rentetan pertanyaan pangkalan data yang menggabungkan simbol dan pengekodan berdasarkan imej di atas. Apabila pencarian dilakukan, kaedah ini boleh menggabungkan semua kata kunci dan mengelakkan daripada menjalankan carian yang berulang. Selain itu, tempoh penerbitan sastera dihadkan kepada 2014-2024. Berdasarkan hasil carian awal, 264 artikel jurnal ditemui dalam MyJurnal dan 9157 artikel jurnal dalam Scopus.

Jadual 1: Senarai Kriteria, Kelayakan dan Pengecualian Kajian

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis Literatur	Artikel Jurnal	Artikel Jurnal (kertas ulasan), Penyuntingan, Kertas Kerja Persidangan, Bab Dalam Buku
Negara	Malaysia	Negara-negara Lain
Tempoh penerbitan	Tahun 2014-2024	Tahun 2014 ke bawah

Analisis data bermula dengan mengumpulkan semua maklumat daripada artikel jurnal dalam Microsoft Word. Oleh kerana Scopus adalah pangkalan data pilihan untuk penulisan artikel jurnal, jika terdapat artikel pendua dalam kedua-dua pangkalan data, data daripada Scopus akan disimpan dan data daripada MyJurnal akan dipadamkan. Penapisan ialah proses yang digunakan dalam analisis maklumat bagi mengelakkan pertindihan data. Disebabkan artikel pendua dalam kedua-dua pangkalan data, 587 artikel daripada MyJurnal dan Scopus telah ditapis. Hasilnya, sebanyak 499 kesusteraan ditemui secara keseluruhan di kedua-dua pangkalan data. Walau bagaimanapun, kerana 432 tidak berkaitan dengan topik ini, pengkaji terpaksa mengeluarkannya selepas menentukan bahawa artikel itu layak. Hasilnya, hanya 67 penerbitan teks penuh dinilai untuk kelayakan. Carta alir PRISMA digambarkan seperti berikut dalam Rajah 3:

Rajah 3: Carta Alir PRISMA





HASIL KAJIAN

Jumlah Penerbitan

Dengan memasukkan kata kunci ke dalam pangkalan data, sebanyak 587 artikel ditemui berdasarkan hasil carian. Jadual 2 menggambarkan seperti berikut:

Jadual 2: Jumlah Artikel yang Ditemui Daripada Dua Pangkalan Data Scopus dan MyJurnal

Bil.	Kata Kunci	Scopus	MyJurnal	Jumlah	Peratus (%)
1.	Penguatkuasaan	4	70	74	12.61
2.	Jenayah Syariah	16	67	83	14.14
3.	Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT)	256	68	324	55.20
4.	Atas Talian	47	59	106	18.06
Jumlah		323	264	587	100 %

Walau bagaimanapun, kerana terdapat artikel pendua dalam kedua-dua pangkalan data MyJurnal dan Scopus, sebanyak 88 artikel telah ditapis keluar. Akibatnya, 499 kajian literatur telah dikenal pasti secara keseluruhan daripada kedua-dua pangkalan data. Kemudian, hanya 65 artikel yang berkaitan dengan topik ini, mengikut keputusan saringan akhir. Ini adalah kerana 432 artikel yang lain di luar subjek.

Jadual 3: Hasil Saringan Akhir Penerbitan Daripada Dua Pangkalan Data (Scopus dan MyJurnal)

Bil.	Tahun Penerbitan	Bilangan Penerbitan		Jumlah	Peratus(%)
		MyJurnal	Scopus		
1.	2024	4	15	19	3.24
2.	2023	22	49	71	12.10
3.	2022	12	37	49	8.35
4.	2021	13	33	46	7.84
5.	2012	17	46	63	10.73
6.	2019	31	35	66	11.24
7.	2018	27	42	69	11.75
8.	2017	62	26	88	14.99
9.	2016	40	18	58	9.88
10.	2015	30	13	43	7.33
11.	2014	6	9	15	2.56
Total		264	323	587	100%



Jumlah Artikel Mengikut Bilangan Pengarang

Jadual 4 memaparkan jumlah artikel teks penuh yang dinilai untuk kelayakan mengikut klasifikasi beberapa pengarang yang menyumbang kepada penerbitan artikel. Terdapat empat kategori dalam senarai artikel seperti berikut:

- a) Seorang pengarang;
- b) Dua pengarang;
- c) Tiga pengarang;
- d) Empat pengarang atau lebih.

Jadual 4: Bilangan Penerbitan Mengikut Bilangan Pengarang dalam Pangkalan Data Scopus

Bil.	Bilangan Penulis	Bilangan Artikel (Scopus)	Peratus (%)
1.	Seorang Pengarang	8	24.24
2.	Dua Pengarang	4	12.12
3.	Tiga Pengarang	0	0.0
4.	Empat Pengarang atau lebih	21	63.64
Jumlah		33	100%

Kebanyakan artikel (63.64%) diterbitkan dalam Scopus bagi artikel yang ditulis oleh empat penulis atau lebih pengarang. Seorang penulis artikel, atau bersamaan dengan lapan tulisan artikel, menduduki tempat kedua dengan (24.24%) peratus, dan dua penulis artikel, atau (12.12%) peratus, mendapat tempat ketiga.

Jadual 5: Bilangan Penerbitan Mengikut Bilangan Pengarang dalam Pangkalan Data MyJurnal

Bil.	Bilangan Penulis	Bilangan Artikel (MyJurnal)	Peratus (%)
1.	Seorang Pengarang	2	6.67
2.	Dua Pengarang	10	33.33
3.	Tiga Pengarang	12	40
4.	Empat Pengarang atau lebih	6	20
Jumlah		30	100%

Sementara itu, artikel tiga pengarang menerima jumlah artikel terbanyak (40%), berjumlah 12, dalam MyJurnal. Jumlah artikel tertinggi seterusnya adalah bersamaan



dengan 10 artikel (33.33%) dengan dua penulis, 6 artikel (20%) dengan empat atau lebih penulis, dan 2 artikel (6.67%) dengan seorang penulis.

PERBINCANGAN

Berdasarkan 66 artikel yang dipilih, kajian telah mengenalpasti tiga cabaran yang utama dalam kajian penguatkuasaan jenayah Syariah Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) atas talian di Malaysia adalah seperti berikut:

Kelompokan Peruntukan Sedia Ada

Berdasarkan peruntukan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, terdapat peruntukan berkaitan kesalahan LGBT yang boleh digunakan bagi mendakwa kesalahan-kesalahan ini seperti kesalahan liwat, *musahaqah*, berlagak seperti perempuan, berkelakuan tidak sopan. Sebagai contoh, bagi kesalahan berkaitan transgender, kesemua negeri mempunyai peruntukan bagi kesalahan ini. Walaubagaimanapun, menurut kajian yang dijalankan oleh Nur Al-Farhain et. al., (2023), jika diteliti peruntukan kesalahan ini menggunakan pelbagai istilah yang berbeza tetapi kesemuanya mempunyai tujuan yang sama. Walaubagaimanapun, kesemua peruntukan ini adalah bagi kesalahan yang berlaku di tempat awam dan tiada peruntukan khusus yang digazetkan jika ia dilakukan di dalam talian (Siti Aisyah & Nur Aina, 2024).

Meskipun penggubalan kesalahan jenayah Syariah negeri tidak secara khusus memasukkan jenayah Syariah LGBT yang dilakukan dalam talian, ini tidak menghalang pendakwaan bagi kesalahan ini. Atras (2022) menyatakan bahawa kesalahan ini masih boleh didakwa menggunakan peruntukan semasa tertentu. Tetapi terdapat kekurangan dalam susunan semasa ini, dan ia perlu diperbaiki (Muhammad Hariz & Ahmad Hidayat, 2021; Mohammad Izzat Amsyar et al., 2018).

Definisi tempat awam adalah satu perkara yang tidak dinyatakan dalam peruntukan semasa. Salah satu prinsip asas penguatkuasaan undang-undang Syariah ialah jenayah mesti dilakukan secara terbuka dan tempat awam (Siti Zubaidah, 2017). Menurut Nur Al-Farhain et. al., (2023), undang-undang menyatakan bahawa peruntukan kesalahan yang berkaitan tidak memberikan tafsiran yang jelas berkenaan tempat awam. Disebabkan oleh kekaburan definisi dari perspektif undang-undang, yang tidak jelas sama ada jenayah syariah dalam talian termasuk dalam kategori ini dan bagaimana ini akan memberi kesan kepada keupayaan pegawai penguatkuasa bagi menjalankan tugas mereka (Zanariah Dimon, 2021).

Hukuman Yang Terhad

Kajian yang dijalankan oleh Mahfudzah Mohamad (2015) menjelaskan akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, juga dikenali sebagai Akta 355, mengehadakan hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan jenayah Syariah di samping kekaburan peruntukan semasa. Mengikut akta ini, mahkamah Syariah



mempunyai kuasa untuk mengenakan denda sehingga tiga tahun, atau gabungan ketiga-tiganya. Walaupun terdapat percubaan untuk memindanya sejak 2016, ia masih belum dapat dilakukan di Parlimen setakat ini atas pelbagai sebab (Mohd Sabree, 2018). Peruntukan undang-undang Syariah semasa yang longgar dan kabur memberi gambaran bahawa prosedur penguatkuasaan diambil ringan tanpa banyak usaha.

Kekurangan Kepakaran Bagi Kaedah Pembuktian

Kekurangan kepakaran dalam kaedah pembuktian bagi kesalahan jenayah syariah LGBT dalam talian merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pihak berkuasa agama dan mahkamah syariah. Salah satu risiko yang dihadapi dalam pembuktian kes-kes seperti ini adalah penggunaan akaun palsu. Isu ini timbul kerana teknologi digital yang sentiasa berubah memerlukan kemahiran khusus dalam forensik siber, pengesahan bukti digital, dan pemahaman mendalam tentang cara-cara jenayah syariah LGBT dilakukan dalam ruang maya. Oleh kerana pihak penguatkuasa agama negeri kekurangan kepakaran dalam bidang ini, kes-kes seperti ini memerlukan bantuan pakar forensik digital, yang melibatkan kos yang tinggi. Tanpa kepakaran yang mencukupi juga, proses pengumpulan dan pembuktian bukti boleh menjadi kurang efektif, menyebabkan kesukaran dalam mendakwa pesalah di mahkamah syariah. Ini juga boleh melemahkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang syariah dan menjejaskan keadilan, menjadikannya penting untuk melabur dalam latihan dan pembangunan pakar dalam bidang ini (Mohd Sabree & Ruzman, 2020).

CADANGAN PEMERKASAAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH LGBT DALAM TALIAN

Penambahan Seksyen Khusus Bagi Kesalahan Yang Dilakukan Secara Dalam Talian

Penambahan seksyen khusus bagi kesalahan jenayah syariah LGBT yang dilakukan secara dalam talian adalah penting untuk memastikan undang-undang syariah tetap relevan dalam era digital ini. Dengan peruntukan undang-undang yang jelas dan terperinci, pihak berkuasa dapat menangani kes-kes yang melibatkan aktiviti LGBT di platform dalam talian dengan lebih berkesan. Ini termasuk penjenayahan terhadap perbuatan seperti promosi, penyebaran, dan penglibatan dalam kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam melalui media sosial atau laman web. Ini akan membolehkan pihak berkuasa mengendalikan kes-kes tersebut dengan lebih tepat dan berkesan, serta memastikan bahawa mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi hukum agama secara dalam talian dapat dibawa ke muka pengadilan, sekaligus memberi amaran yang jelas tentang keseriusan jenayah ini.

Pindaan Akta Mahkamah Syariah 1965 atau Dikenali Sebagai Akta 355

Pindaan Akta Mahkamah Syariah 1965, atau lebih dikenali sebagai Akta 355, merupakan satu langkah signifikan dalam memperkukuhkan bidang kuasa dan keupayaan Mahkamah Syariah di Malaysia. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan



had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah syariah, sejajar dengan keperluan semasa dan cabaran baru dalam penguatkuasaan undang-undang syariah, termasuk kesalahan berkaitan LGBT. Dengan pindaan ini, Mahkamah Syariah diberikan kuasa yang lebih luas untuk menjatuhkan hukuman yang lebih setimpal, sekaligus memperkuat kedudukannya sebagai institusi yang berperanan penting dalam menegakkan hukum Islam dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Ini juga mencerminkan usaha berterusan untuk memastikan bahawa sistem perundangan syariah berkembang selari dengan perkembangan masyarakat dan isu-isu kontemporari.

Penubuhan Unit Teknologi dan Pelantikan Pegawai Yang Berkepakaran

Penubuhan unit teknologi dan pelantikan pegawai yang berkepakaran adalah langkah strategik untuk memperkuat penguatkuasaan undang-undang syariah dalam menangani jenayah berkaitan LGBT dalam talian. Dengan adanya unit khusus yang dilengkapi dengan teknologi canggih dan dikendalikan oleh pegawai yang berkemahiran tinggi dalam forensik digital dan undang-undang siber, pihak berkuasa dapat memantau, mengesan, dan mengumpul bukti dengan lebih efektif. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dalam penyiasatan dan pendakwaan, tetapi juga memastikan bahawa proses pembuktian dijalankan mengikut standard yang ketat, sejajar dengan prinsip keadilan dan ketelusan.

PENUTUP

Kesimpulannya, penyelidik telah menjalankan tinjauan literatur sistematik terhadap penguatkuasaan jenayah syariah dalam kalangan LGBT menggunakan kaedah PRISMA serta menganalisis penerbitan daripada dua pangkalan data iaitu Scopus dan MyJurnal dari tahun 2014 hingga 2024. Secara umumnya, terdapat pelbagai isu dan cabaran di dalam menguatkuasa kesalahan jenayah syariah berkaitan LGBT dalam talian yang memerlukan pindaan dan penambahbaikan. Isu ini perlu ditangani sebagai langkah pencegahan kepada isu sosial dan jenayah yang lebih serius dan dalam usaha memelihara agama, budaya dan adat tatasusila masyarakat Muslim di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mencadangkan penambahbaikan dari aspek perundangan bagi membanteras dan mengawal gejala LGBT di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada output di bawah Geran Penyelidikan USIM-Racer bertajuk: Pendakwaan dan Penguatkuasaan Jenayah Syariah Berkaitan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) dalam Talian (Online):Kajian Kes Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan, Kod Penyelidikan PPPI/USIM/FSU/USIM/112423.



RUJUKAN

- Atras Mohamad Zin. (2022). Kesalahan Dalam Talian Yang Terkait Dengan EJS95, Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah Kebangsaan: Jenayah Siber. Anjuran Pendakwaan Syariah Selangor, 30 Mei 2022.
- Azizah, Mohammad Hafifi, Nor 'Adha, Maffuza & Mohd Farok. (2017). Hifz Al-Nasb: Analisis Terhadap Peruntukan Kesalahan Tatasusila Dalam Enakmen Jenayah Syariah. Negeri Di Malaysia. *E-Proceeding 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC)*, Shah Alam, 15 November 2017.
- Cybersecurity Malaysia. Lanskap Keselamatan Siber Malaysia 2020: Apakah Persiapan Menghadapi Cabaran Keselamatan Siber Masa Hadapan. <https://www.cybersecurity.my/data/conten/2150.pdf>, diakses pada 5 Mac 2023.
- Fadzilah, A. & Noremy, MA. 2019. LGBT dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Awam. *Jurnal Wacana Sarjana*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3(4). Disember, 10-11.
- Irma Wani, Mohd Kamal, Muhammad Safuan, Anna Lynn, Nurul Ain, Abang Mohd Razif & Nurulasyikin Muda. (2021). Merungkai Identiti Gender: Antara Kebebasan Hak Asasi Individu Dan Dilema Kepimpinan Generasi Muda. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 6, 60-81
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Kenyataan Media Statistik Jenayah Malaysia, <https://www.dosm.gov.my>, diakses pada 3 Mac 2023.
- Maffuza Salleh, Azizah, Mohd Farok, (2017). Penguatkuasaan Kesalahan Jenayah Syariah Berhubung Kesusilaan Di Negeri Melaka: Kajian Dan Saranan Penambahbaikan. *E-Proceeding 3rd Muzakarah International Fiqh Conference (3rd MFIFC)*, Shah Alam, 15 November 2017
- Mahfudzah Mohamad. 2015. Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah. *Jurnal Universiti Utara Malaysia (JUUM)*. Vol 19, 29-36.
- Maisarah Mahmud & Nur Zainatul Nadra. (2022). Fenomena Lgbt Di Malaysia: Analisis Faktor Dan Kaedah Pemulihan, *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 23(3), 136-147.
- Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri. (2019). Gejala LGBT di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 51-65.
- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal & Muhammad Najib Abdul Wakil. (2020). Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian. *INSLA E-Proceeding*, 3 (1), 459 – 470.



- Mohammad Izzat Amsyar, Muhammad Syahlan, Hisham Hanapi, Fareed Hassan. (2018). Salah Laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia Undang-Undang Sebagai Me Pembanterasan dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 13(1), 19-34.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2020). Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian Dalam Kesalahan Jenayah Syariah di Alam Siber. *Journal of Law and Governance*, Volume 3 (No. 1) 2020: 84-95.
- Mohd Sabree Nasri. (2018). Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, Volume 1 (No. 1), 77-90.
- Muhammad Hariz Shah & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Penambahbaikan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan. *Jurnal Sains Insani*, 6(3),8-20.
- Nor 'Adha, Mohamad Hafifi, Azizah, Maffuza Salleh & Mohd Farok. (2017). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian Keseragaman Dan Ketidakteragaman Peruntukan Kesalahan Tatasusila. *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)*, 13th -14th December 2017, Grand Blue Shah Alam, Malaysia.
- Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Nur Aina Abdulah, Mashitah Abdul Mutalib & Siti Syahirah Saffinee. (2023). Kesalahan Jenayah Syariah Berkaitan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Dalam Talian: Analisis Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. *The 4th International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2023 (INPAC 2023)*. 22 Mac 2024. Nilai, Malaysia
- Nurul Atira Musa & Hendun Abd Rahman Shah. (2020). Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam Di Media Sosial Dari Perspektif Undang-Undang Dan Syariah di Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*. 9(1), 24-35.
- Nurulain Ibrahim & Siti Aisyah Samudin. (2022). Cabaran Penguatkuasaan Undang-undang bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah Di Alam Siber: Kajian Di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal of Shariah Law Research*, 7 (2) 241-272.
- Rahman, Mohamad Anwar, Mursyid Junaidi & Nur Fatihah. (2020). Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Menurut Perspektif Undang-Undang Syariah Dan Undang Sivil Di Malaysia: Suatu Perbandingan. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*. 8 (1), 31-45.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>

Siti Solehah, Noor Hafizah, Suriani Sudi, Khairul Hamimah. (2020). Program Dakwah Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS Terhadap Komuniti LGBT: Satu Tinjauan Awal, *Jurnal Pengajian Islam*, 14 (Special Edition), 136-148.

Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang - Undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. UM Press.

Siti, A. & Nur, A.A. J. 2024. Cabaran Dalam Menangani Golongan Mak Nyah: Kajian Terhadap Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Shariah & Law Research*. Kuala Lumpur: Penerbit UM. Vol. 9 (1) 73-108

Zanariah Dimon. (2021). Elemen Tempat Awam Dan Hubungannya Dengan Penguatkuasaan Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di Selangor. *International Conference Syariah & Law2021(ICONSYA L 2021)*, Online Conference, 6th April 2021.